

PM lancar projek MTDC

BH 22 APR 2002

Daripada Mohamad Azlan Jaafar

MANAMA, Ahad - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, melancarkan projek pembinaan Pusat Perdagangan dan Penedaran Malaysia (MTDC) dekat sini.

Pusat itu yang dibina di kawasan 6.91 hektar di Durat Al Bahrain di Seef, akan menjadi penggalak kegiatan ekonomi dan perniagaan antara Malaysia dan Bahrain selain negara teluk lain.

MTDC yang menyediakan ruang pameran lebih 37,000 meter persegi, merangkumi dua bangunan utama untuk kegiatan runcit dan simpanan barangan selain kemudahan untuk keluarga seperti gerai makanan, kedai barangan khas, panggung wayang dan gimnasium.

la juga akan menempatkan operasi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.

Turut hadir pada majlis pagi ini ialah Perdana Menteri Bahrain Sheikh Khalifa Bin Salman Al Khalifa dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Perdana Menteri yang tiba semalam dengan pesawat sewa khas Penerbangan Malaysia (MAS) Boeing 777-200 dalam rangka lawatan kerja dua hari ke sini, bersama delegasi kira-kira 150 orang, termasuk Menteri Kabinet, pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan.

Perdana Menteri kemudian ke Bahrain Mall di sini, bagi menyaksikan majlis menandatangani beberapa perjanjian membabitkan pengeluaran barangan Malay-

sia dan usahawan Bahrain.

Ketika berucap, beliau berkata, barangan keluaran Malaysia berkualiti dunia dan dipasarkan di Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun serta mampu diterima pembeli di Bahrain dan negara teluk lain.

"Kita berjaya mendapatkan ramai rakan niaga bagi mengimport dan menjual barangan Malaysia di sini, sekali gus meningkatkan hubungan baik antara kedua-dua negara," katanya.

Beliau menggesa perniagaan Malaysia memasarkan produk berkualiti pada harga berpatutan bagi memastikan keyakinan pembeli tidak terjejas.

Dr Mahathir berkata, Malaysia juga mengeluarkan pesawat ringan yang mungkin boleh dinilai usahawan Bahrain untuk dipasarkan di negara itu.

Perdana Menteri kemudian merasmikan pasar raya besar Giant yang ter-

letak di Bahrain Mall.

Pada tengah hari, Dr Mahathir melancarkan operasi Labuan Reinsurance (L) Ltd (Labuan Re) sebelum menghadiri sesi dialog dengan ahli perniagaan Bahrain di Hotel Le Royal Meridien di sini.

Ketika berucap, Perdana Menteri berkata ahli perniagaan Malaysia harus membuat lawatan susulan ke Bahrain bagi memanfaatkan peluang perniagaan yang sudah dikenal pasti.

"Ini kerana kerajaan hanya menjadi fasilitator dan pembuka jalan kepada hubungan ekonomi menerusi penyediaan rangka kerja yang menggalakkan kerjasama dan pertukaran lawatan.

"Bagaimanapun usahawan sendiri perlu proaktif dan bekerja keras bagi menjalin hubungan perniagaan bukan saja antara Bahrain dan Malaysia, malah di negara serantau dan antarabangsa," katanya.